

aura.

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

keibubapaan.

Ibu bapa
sentiasa beri
sokongan
kepada
Ahmad Azim.

[FOTO OWEE AH CHUN / BH]



“Anak OKU ini sebenarnya, mempunyai harapan sama seperti anak normal dan mereka dilihat boleh berjaya dengan usaha, sokongan berterusan daripada semua pihak”

Anuar Hussin,
Bapa

redaksi

PENGARANG KUMPULAN BH

Datuk Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

TIMBALAN PENGARANG
KUMPULAN BH

Datuk Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

PENGARANG BERSEKUTU
MINGGUAN/BH2

Azhar Abu Samah
azharas@bh.com.my

PENGARANG WANITA
Jami'ah Sokri
jamiia@bh.com.my
PENGARANG HIBURAN
Shamshul Azree Samshir
sazree@bh.com.my
PENGARANG BERITA
Zainuri Misfar
zainuri_misfar@bh.com.my
REKA BENTUK
Unit Grafik BHPENGIKLANAN
TEL: 1 300 22 6787BERITA HARIAN
TEL: 1 300 22 6787
FAKS: 603 2056 7081

✉ E-mel atau surat ke alamat:
bhrita@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riang, 59100,
Kuala Lumpur

Buang stigma negatif

Azim berjaya masuk universiti walaupun hadapi masalah penglihatan

Melihat kegembiraan di wajah lelaki berusia lebih separuh abad itu, ternyata tiada apa yang dapat dizahirkan melainkan kesyukuran kerana berjaya mendidik anak lelaki tunggalnya yang juga orang kurang upaya (OKU) bermasalah rabun teruk hingga ke menara gading.

Jika sebelum ini, Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Anuar Hussin, 58, resah memikirkan masa depan anaknya, Ahmad Azim Azraai (Azim), 19, tetapi usahanya yang tidak pernah kenal erti putus asa, akhirnya anaknya berjaya diterima melanjutkan pengajian di YPC International College dalam jurusan Ijazah Pengurusan Perniagaan.

Segala penat lelahnya seolah-olah terbayar dan

kini harapan menggunung diletakkan sepenuhnya kepada Azim bagi membuktikan stigma anak OKU ini tidak boleh berjaya seperti orang lain adalah tidak tepat sama sekali.

Jangan cepat putus asa

Beliau berkata, segalanya yang dilakukan untuk anaknya itu bukan mudah. Laluannya penuh berliku dan jika cepat putus asa, pasti kecundang di tengah jalan.

"Anak OKU ini sebenarnya, mempunyai harapan sama seperti anak normal dan mereka dilihat boleh berjaya dengan usaha, sokongan serta motivasi berterusan daripada semua pihak.

"Tiga perkara ibu bapa perlu tahu apabila memiliki anak OKU. Pertama, kesedaran mengenai tahap

→ Lihat Ms.b3



Potret keluarga Ahmad Azim.



keibubapaan.

Sistem sokongan bantu anak OKU

BH
4/10/16
mls B3

← Dari Ms. b2

ketidakupayaan anak supaya ibu bapa dapat menguruskan proses pemulihan dan kerjasama daripada sistem sokongan," katanya ketika ditemui pada Karnival Memasyarakatkan OKU Peringkat Kebangsaan 2016, bertema 'Masyarakat Berbudhi OKU Disantuni', di IPGKIK, Cheras, baru-baru ini.

Kedua, ibu bapa perlu ada pengetahuan dan kesedaran mengenai teknologi bantuan untuk golongan OKU seperti di mana ia boleh dibeli, syarikat yang menjual, harga atau mungkin bantuan kewa-

kening luka parah terkena bucu pembahagi jalan.

"Ketika itu usianya 10 tahun dan dalam masa setahun selepas itu berlaku perubahan sedikit demi sedikit, hinggakan dia tengok televisyen pun jarak paling dekat sekali.

"Memang rasa sedih tetapi semua itu takdir. Daripada seorang anak yang aktif, bijak dan menjadi pengawas di sekolah tetapi semuanya berubah," katanya.


Katanya, tidak mahu anaknya keciciran dalam akademik, pelbagai inisiatif dilakukan antaranya mendapatkan pengesahan hospital, hadir ke sekolah dan seterusnya mendapatkan

Usaha dilakukan Anuar tidak sia-sia apabila berjaya membentuk peribadi anaknya iaitu daripada seorang yang pasif, berubah menjadi lebih yakin, mudah bersosial dengan rakan dan intelektual.

OKU miliki kelebihan

Katanya, anak OKU ini juga memiliki kelebihan yang tidak ramai ibu bapa menyedarinya. Mereka sebenarnya lebih fokus dalam melakukan sesuatu.

"Jangan tidak percaya, anak saya boleh menunggang basikal dan kini saya mengajarnya memandu kereta di kawasan lapang. Saya berharap ada teknologi untuk



Ahmad Azim membaca dengan meletak tetikus di skrin komputer dan tulisan menjadi besar untuk memudahkannya membaca.



Saya juga menggunakan alat tertentu untuk melihat perkataan

Bercita-cita jadi pensyarah

"Tbu bapa perlu mempunyai pengetahuan mengenai sistem sokongan umpamanya kesihatan, pendidikan dan khidmat sosial untuk anak OKU. Setiap sistem sokongan ini pasti ada cara untuk membantu anak OKU dan ia dapat memastikan anak tidak tercicir," katanya.

Inisiatif bantu anak

Mengimbas kembali, Azim yang juga anak ketiga daripada empat adik-beradik ini, menjadi OKU selepas terjatuh basikal dan

sokongan yang perlu di sekolah seperti meletakkannya paling hadapan sekali di dalam kelas, soalan peperiksaan berhuruf lebih besar dan memberi masa tambahan menjawab soalan.

"Masa kritikal ketika menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saya ikhtiar membuat permohonan dengan Majlis Peperiksaan Malaysia supaya format soalan besar, masa lebih dan jawab menggunakan komputer," katanya.

anak seperti ini supaya mereka juga boleh jalani kehidupan seperti biasa.

"Jika anak itu tidak mampu dalam akademik, cuba carikan kemahiran untuknya. Jangan biar anak kita menyesali diri sendiri kerana ia umpama luka yang sangat dalam," katanya.

Pada masa sama, beliau menaruh harapan Azim dapat meneruskan kehidupan seperti remaja lain dari terus berjaya pada masa hadapan serta memberi inspirasi kepada orang yang senasib dengannya.

kecil. Tanpa alat itu mungkin sukar belajar. Kawan juga sentiasa bersedia membantu saya"

**Ahmad Azim
Azraai Anuar.**
Pelajar

Bagi Azim, beliau tidak merasa kekurangannya itu sebagai alasan gagal dalam perjuangannya hingga ke menara gading.

Kekurangan itu tidak menjadi penghalang kerana pelbagai alat bantuan khusus boleh digunakan supaya dapat bersaing dengan remaja lain.

"Jika di kolej, pensyarah akan menyediakan bahan pembelajaran dalam bentuk cakera padat (CD) supaya senang untuk saya mengakses di dalam komputer riba.

"Saya juga menggu-

nakan alat tertentu untuk melihat perkataan kecil. Tanpa alat itu mungkin sukar belajar. Kawan juga sentiasa bersedia membantu saya," katanya.

Katanya, beliau hanya mempunyai masalah untuk membaca tulisan kecil, tetapi tiada masalah jika memandang objek walaupun agak kabur.

"Selama tiga tahun menuntut ilmu di sini, saya berharap cita-cita saya menjadi pensyarah akan termakbul dan membuktikan insan seperti saya boleh berjaya," katanya.



Ahmad Azim menggunakan kanta khas dalam kelas.



Peralatan yang digunakan Ahmad Azim untuk membaca.

info

Jumlah anak OKU mengikut kategori

- 371,033 OKU berdaftar hingga Februari 2016
- Peratusan kecacatan OKU 2014
 - 35 % pembelajaran
 - 33 % fizikal
 - 12 % pendengaran
 - 9 % penglihatan
 - 5 % pelbagai
 - 5 % mental
 - 1 % pertuturan



Rakan banyak membantu Ahmad Azim dalam pembelajarannya.